

Ujian Covid-19 guna air liur sebelum keberangkatan diluluskan di S'pura

UJIAN air liur baru-baru telah diluluskan untuk diguna di sini sebagai pilihan untuk ujian Covid-19 sebelum keberangkatan.

Syarikat bioperubatan tempatan, Lucence, telah mula bekerjasama dengan klinik dan penyedia teleperubatan untuk menawarkan ujian air liur bagi mereka yang ke luar negara, menurut laporan *The Straits Times* (ST).

Berita Harian telah menghubungi Kementerian Kesihatan (MOH) untuk maklumat lanjut.

Mereka yang ingin ke luar negara boleh memeriksa nasihat perjalanan negara destinasi mereka untuk menentukan kelayakan mereka untuk ujian air liur Covid-19, kata Lucence di laman webnya.

Sebagai contoh, negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Canada dan Jepun pada masa ini menerima ujian keberangkatan air liur.

Mengumpul sampel air liur untuk ujian Covid-19, berbanding dengan swab yang diambil melalui bahagian hidung dan mulut, dikatakan merupakan kaedah ujian pilihan kerana ia tidak invasif dan kurang tidak selesa.

Dalam satu kajian yang melibatkan 200 pekerja migran di Singapura yang dijalankan Jun tahun lalu, mendapati bahawa sampel air liur lebih sensitif berbanding sampel swab hidung dalam mendiagnos mereka yang tidak mempunyai gejala atau gejala ringan bagi jangkitan Covid-19.

Kajian itu, yang ditaja oleh Lapangan Terbang Changi, diketuai oleh Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Lucence, dan turut melibatkan Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) dan Hospital Besar Singapura (SGH).

Penemuan itu diterbitkan dalam jurnal saintifik *Nature* Februari lalu.

Ketua Eksekutif Lucence, Dr Tan Min-Han, berkata bahawa syarikat itu telah menerima minat daripada keluarga yang mempunyai kanak-kanak kecil dan warga emas sejak ujian air liur diluluskan pada 2 Disember, memandangkan kumpulan orang ini cenderung lebih takut dengan swab hidung.

Pengumpulan kit air liur, yang dikenali sebagai Safer-Sample, pada mulanya dibangunkan bersama Agensi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A*Star) dan telah didaftarkan sebagai

peranti perubatan dengan Penguasa Sains Kesihatan (HSA) pada Jun tahun lalu.

Kira-kira 2 mililiter air liur dikumpul melalui corong yang disambungkan ke tiub pengumpulan.

Sebotol cecair penstabilan yang mengandungi reagen kemudian dicampurkan ke dalam sampel, yang menstabilkan virus RNA – bahan genetik virus – pada suhu bilik sehingga satu minggu.

Sampel yang dikumpul akan dihantar ke Lucence untuk analisis.

Pada masa ini, dua klinik di sini menawarkan ujian air liur – Klinik Gainhealth di Ang Mo Kio dan syarikat teleperubatan MyDoc.

Persiapan kini dilakukan untuk mendapatkan lebih banyak klinik dan penyedia teleperubatan untuk menawarkan ujian air liur, kata Dr Tan.

Keputusan ujian air liur akan tersedia dalam masa 24 jam, dan harga adalah serupa dengan ujian swab tindak balas rantai polimerase (PCR) biasa untuk ujian Covid-19 sebelum berangkat.

Ujian PCR untuk mereka yang ke luar negara kini antara \$107 dengan \$200.